KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

mycreative

**Kementerian Komunikasi Dan Multimedia & MyCreative Ventures Sdn. Bhd.**

# Pelan PENJANA bagi Industri Kreatif

# *PENJANA Plan for the Creative Industries*

**Soalan-soalan Lazim Berkaitan**
**Bantuan & Sokongan Industri Kreatif MyCreative di bawah Pelan PENJANA**
***Frequent Asked Questions on***
***MyCreative's Creative Industry Support & Assistance Under The PENJANA Plan***

## TERAS USAHA KE-3:
## Pinjaman Mudah Trek Laju (PMTL)
## Pinjaman Mudah bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan
## *CORE MEASURE 3:*
## *Fast-Track Soft Loans (FTSL)*

| No | Soalan/*Question* | Jawapan/*Answer* |
|---|---|---|
| 1 | Apakah itu Pelan PENJANA bagi Industri Kreatif? | **Pelan PENJANA bagi Industri Kreatif** adalah inisiatif pemulihan bagi industri kreatif di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek PENJANA, yang akan ditadbir dan diurus oleh MyCreative Ventures, di bawah kawalselia Kementerian Komunikasi dan Multimedia.<br><br>Ia telah dirangka khas untuk membantu industri seni, budaya, hiburan dan pementasan, samaada di kalangan penggiat mahupun perniagaan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 untuk bangkit semula menjalankan aktiviti kreatif mereka. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Objektif utama adalah untuk membolehkan aktiviti dan perniagaan industri kreatif dimulakan semula demi kelangsungan pendapatan penggiat industri yang amat bergantung kepadanya. |
| | *What is the PENJANA Plan for the Creative Industries?* | *The **PENJANA Plan for the Creative Industries** is a set of recovery initiatives introduced for the Creative Industry under the Government's PENJANA Short-Term Economic Recovery Plan, administered and managed by MyCreative Ventures and supervised by Ministry of Communications & Multimedia.*<br><br>*It has been designed to help the arts, culture, entertainment and event industries adapt to the new normal and assist those creative industry practitioners & businesses that was affected by COVID-19.*<br><br>*The main objective is to enable creative industry practitioners & businesses to resume their creative activities and sustain the livelihood of many within the industry who depend on it.* |
| 2 | Apakah Pinjaman Mudah Trek Laju yang diperkenalkan di bawah Pelan PENJANA? | Pinjaman Mudah Trek Laju yang diperkenalkan di bawah Pelan PENJANA adalah inisiatif yang disasarkan kepada syarikat-syarikat kreatif yang telah terjejas akibat pandemik Covid-19, demi membangunkan semula perniagaan mereka dan meneruskan kesinambungan ekosistem industri kreatif tempatan.<br><br>Pinjaman Mudah Trek Laju ini adalah disasarkan kepada usahawan dan penggiat seni berpengalaman yang mempunyai model perniagaan lebih stabil. Pinjaman ini juga turut disasarkan kepada usahawan mikro yang terlibat di dalam industri kreatif. Syarikat yang telah berjaya dianugerahkan kontrak penerbitan juga boleh memohon pinjaman ini. |
| | *What is the Fast-Track Soft Loan being introduced under this PENJANA Plan?* | *The PENJANA Plan Fast-Track Soft Loans is an initiative targeted towards creative businesses that have been affected by the COVID-19 pandemic, seeking to revive their businesses and facilitate continuity within the local creative industry ecosystem.*<br><br>*They are designed for more seasoned and independent producers and practitioners with already stable business models as well as micro-entrepreneurs in the creative industry, and those seeking contract financing for production contracts.* |
| 3 | Siapakah yang boleh memohon untuk pinjaman ini? | Entiti Pemilikan Tunggal / Perkongsian / Syarikat Sendirian Berhad yang terlibat di dalam industri kreatif, khususnya syarikat dikategorikan dalam sepuluh (10) subsektor kreatif yang disokong oleh MyCreative Ventures. |
| | *Who can apply for the loan?* | *Sole Proprietorship / Partnership / Incorporated Company (Sendirian Berhad) within the creative industry, specifically within the ten (10) supported creative pillars of MyCreative Ventures.* |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Apakah sepuluh (10) subsektor kreatif yang disokong oleh MyCreative Ventures? | ▪ Seni Penciptaan Kandungan termasuk Filem, Video serta Permainan VIdeo (cth. syarikat pembuatan kandungan, syarikat animasi, pencipta permainan, dll.)<br>▪ Seni Persembahan (cth. syarikat produksi teater, dll.)<br>▪ Seni Visual (cth. galeri seni persendirian, dll.)<br>▪ Pendidikan Seni Kreatif (cth. sekolah muzik, sekolah tarian, dll.)<br>▪ Seni Tradisional dan Budaya (cth. usahawan dan pembuat kraf tradisional, pereka batik, dll.)<br>▪ Seni Fesyen (cth. pereka fesyen, dll.)<br>▪ Seni Kesusasteraan (cth. penerbit buku, dll.)<br>▪ Seni Muzik (cth. Syarikat rakaman muzik, studio rakaman, syarikat pengendali acara, sewaan alatan muzik, dll.)<br>▪ Seni Rekaan (cth. perabot, lampu, kraf moden, dll.)<br>▪ Seni Kulinari |
| | *What are the ten (10) supported creative pillars of MyCreative Ventures?* | ▪ *Content Creation including Film, Video and Videogames (i.e. content production company, animation company, game developer, etc)*<br>▪ *Performing Arts (i.e. theatre production company, etc)*<br>▪ *Visual Arts (i.e. art gallery, etc)*<br>▪ *Creative Education (i.e. music school, dance school, etc)*<br>▪ *Traditional & Cultural Arts (i.e. traditional craft producer & entrepreneur, batik designer, etc)*<br>▪ *Fashion (i.e. fashion designer, etc)*<br>▪ *Literature (i.e. book publisher, etc)*<br>▪ *Music (i.e. recording label, recording studio, event company, equipment & backline rental, etc)*<br>▪ *Design (i.e. furniture, lighting, modern craft, etc)*<br>▪ *Culinary Arts* |
| 5 | Berapakah jenis program pinjaman yang terdapat di dalam inisiatif ini? | Terdapat tiga (3) jenis program pinjaman:<br>1) Pinjaman Pemulihan Perniagaan Industri Kreatif (PPPK)<br>2) Pembiayaan Mikro bagi Usahawan Industri Kreatif (PMUK)<br>3) Pembiayaan Pengantaraan bagi Penerbit Kandungan Industri Kreatif (PPKK)<br><br>Setiap program mempunyai syarat kelayakan dan had pinjaman yang berbeza. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang www.mycreative.com.my. |
| | *How many loan programmes are there within the initiatives?* | *There are three (3) types of programmes:*<br>*1) Creative Industry Business Revival Loan (CBRL)*<br>*2) Creative Industry Micro-Financing for Creative Entrepreneur (CMCE)*<br>*3) Creative Industry Bridging Facility for Content Producers (CBFC)*<br><br>*Each programme has different eligibility and loan limit. More information on the programmes can be found in our website www.mycreative.com.my.* |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Bagaimanakah cara untuk mengetahui program pinjaman mana yang patut saya pohon? | Program-program yang disediakan mengikut saiz pendapatan syarikat dan tujuan pinjaman seperti berikut:<br><br>Pinjaman Pemulihan Perniagaan Industri Kreatif - Syarikat Sendirian Berhad dengan pendapatan lebih dari RM1 juta dan/atau telah beroperasi lebih dari tiga (3) tahun.<br><br>Jika operasi kurang daripada 3 tahun, syarikat perlu menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap dan diterima oleh pihak MyCreative Ventures.<br><br>Pembiayaan Mikro bagi Usahawan Industri Kreatif - Entiti Pemilikan Tunggal / Perkongsian / Syarikat Sendirian Berhad dengan pendapatan kurang dari RM1.0 juta dan/atau beroperasi lebih dari enam (6) bulan.<br><br>Jika operasi kurang daripada 6 bulan, syarikat perlu menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap dan diterima oleh pihak MyCreative Ventures.<br><br>Pembiayaan Pengantaraan bagi Penerbit Kandungan Industri Kreatif - Syarikat pembuatan kandungan yang telah berjaya mendapat kontrak daripada syarikat penyiaran, agensi kerajaan atau pihak lain yang terpilih. |
| | *How do I know which programme should I apply for?* | *The multiple programmes cater for different revenue size and purposes.*<br><br>*Creative Industry Business Revival Loan – A Sdn. Bhd. company with revenue of more than RM1.0M and/or in active operation of more than three (3) years.*<br><br>*If the operations of the company is less than 3 years, then the company will need to provide comprehensive business plan that is satisfactory to MyCreative Ventures.*<br><br>*Creative Industry Micro-Financing for Creative Entrepreneur – A Sole Proprietorship / Partnership / Sdn. Bhd. company with revenue of less than RM1.0M and/or in operation of more than six (6) months.*<br><br>*If the operations of the company is less than 6 months, then the company will need to provide comprehensive business plan that is satisfactory to MyCreative Ventures.*<br><br>*Creative Industry Bridging Facility for Content Producers – Content producer with contracts secured from selected broadcasters and agencies.* |

| | | |
|---|---|---|
| 7 | Apakah kriteria minimum untuk pinjaman tersebut? | Kriteria minimum untuk pinjaman tersebut adalah seperti berikut:<br><br>1. PKS dalam industri kreatif yang masih beroperasi dan terjejas akibat pandemik Covid-19;<br>2. Minimum 51% pegangan saham oleh warganegara Malaysia;<br>3. Rekod prestasi perniagaan/penerbitan memuaskan;<br>4. Rekod CCRIS dan CTOS syarikat, pengarah, dan pemegang saham yang memuaskan;<br>5. Menyertakan pelan perniagaan/rancangan pemulihan perniagaan; |
| | *What are the minimum criteria for the loan?* | *The minimum criteria are as follows:*<br><br>*1. Ongoing creative industry SME businesses that are affected by the COVID-19 pandemic;*<br>*2. A minimum of 51% Malaysian shareholding;*<br>*3. Satisfactory business/production track record;*<br>*4. Reasonable CCRIS and CTOS record on business and directors.*<br>*5. Submission of business recovery plan.* |
| 8 | Apakah informasi yang perlu disertakan di dalam pelan pemulihan perniagaan? | Pelan pemulihan perniagaan hendaklah mempunyai maklumat operasi perniagaan, rancangan pemulihan perniagaan serta semakan keupayaan syarikat untuk membuat bayaran balik pinjaman yang dipohon. |
| | *What information is required to be included in the business recovery plan?* | *The business recovery plan should include the details of intended business operations, business recovery plans along with analysis of repayment plans for the applied loan.* |
| 9 | Adakah pinjaman ini boleh digunakan untuk modal kerja sahaja? | Selain daripada modal kerja, pinjaman ini boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi termasuk sewaan dan gaji pekerja, kos pemasaran & promosi, dan kos pembangunan saluran penjualan atas talian. |
| | *Can the loan be utilized for other than working capital?* | *Other than working capital, the loan can be utilized for operating expenses which includes rental, staff salary, marketing & promotion and other costs incurred in developing online/digital sales channel.* |
| 10 | Apakah bentuk pinjaman yang ditawarkan? | Pinjaman berjangka (term loan) di bawah program PPPK dan PMUK. Manakala, fasiliti pengantaraan untuk PPKK. |
| | *What type of loan facility is being offered?* | *Term Loan under CBRL and CMCE programmes. As for CBFC with secured contract it will be a bridging facility.* |
| 11 | Apakah kadar faedah yang dikenakan? | Kadar faedah adalah tetap pada 3.5% setahun berdasarkan kaedah baki berkurangan. |
| | *What is the interest rate?* | *Interest rate is fixed at 3.5% per annum on a reducing balance basis.* |

| | | |
|---|---|---|
| 12 | Apakah jumlah pinjaman maksimum? | Jumlah pinjaman maksimum ialah RM1,000,000, manakala jumlah pinjaman minimum ialah RM50,000. Pinjaman ini bertujuan untuk membantu perniagaan dan penggiat bagi jangkamasa enam (6) bulan akan datang. Had pinjaman untuk setiap program adalah seperti berikut:<br><br>PPPK – RM100,000 hingga RM500,000<br>PMUK – RM50,000 hingga RM150,000<br>PPKK – Maksimum 70% dari nilai kontrak, tidak melebihi RM1,000,000 |
| | *What is the maximum loan amount?* | *Maximum loan amount is RM1,000,000 while minimum loan amount is RM50,000. The loan is meant to assist businesses and practitioners for the next six months. Loan limit depends on the qualified programmes.*<br><br>*CBRL – RM100,000 to RM500,000*<br>*CMCE – RM50,000 to RM150,000*<br>*CBFC – up to 70% of contract value not exceeding RM1,000,000* |
| 13 | Apakah tempoh pinjaman? | Tempoh pinjaman adalah seperti berikut:<br><br>PPPK – Sehingga lapan puluh empat (84) bulan.<br>PMUK – Sehingga lapan puluh empat (84) bulan.<br>PPKK – Sehingga lapan belas (18) bulan. |
| | *What is the loan tenure?* | *Loan tenure are as follows:*<br><br>*CBRL – Up to eighty four (84) months.*<br>*CMCE – Up to eighty four (84) months.*<br>*CBFC – Up to eighteen (18) months.* |
| 14 | Adakah terdapat tempoh pernafasan (grace period)? | Tempoh pernafasan (grace period) sehingga dua belas (12) bulan untuk PPPK dan PMUK. Semasa tempoh pernafasan (grace period), peminjam hanya perlu membayar faedah bulanan sahaja.<br><br>Contoh: Pinjaman dengan tempoh lapan puluh empat (84) bulan termasuk dua belas (12) bulan tempoh pernafasan. Maka, pembayaran pokok akan bermula pada bulan ke-tiga belas (13). |
| | *Is there any repayment grace period?* | *There will be a grace period of up to twelve (12) months for CBRL and CMCE. During grace period, borrowers are only required to service the interest only.*<br><br>*i.e. Loan at maximum tenure of eighty-four (84) months will be inclusive of twelve (12) months grace period. Hence, the principal repayment will commence on month thirteen (13$^{th}$).* |

<table>
<tr><td>15</td><td>Apakah terma-terma bayaran balik pinjaman?</td><td>Jadual bayaran balik akan ditentukan oleh MyCreative Ventures selepas penilaian sama ada secara bayaran ansuran bulanan tetap atau bayaran ansuran bulanan berperingkat. Contoh bayaran ansuran bulanan berperingkat adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Bulan</th><th>Ansuran Bulanan</th></tr><tr><td>Bulan pertama – ke-12</td><td>RM583 (Faedah sahaja)</td></tr><tr><td>Bulan ke-13 – ke-24</td><td>RM1,500 (Pokok + Faedah)</td></tr><tr><td>Bulan ke-25 – ke-36</td><td>RM2,500 (Pokok + Faedah)</td></tr><tr><td>Bulan ke-37 – ke-84</td><td>RM3,690 (Pokok + Faedah)</td></tr></table>*Contoh berdasarkan jumlah pinjaman RM200,000<br><br>Bayaran balik pinjaman hendaklah disalurkan kepada akaun MyCreative Ventures. Perincian bayaran balik akan disertakan di dalam penyata pembayaran bulanan yang dihantar kepada Peminjam.</td></tr>
<tr><td></td><td>What are the possible repayment terms?</td><td>The repayment schedule will be either fixed monthly instalment or multi-tier monthly instalment upon assessment by MyCreative Ventures. Example of multi-tier:<br><br><table><tr><th>Month</th><th>Monthly Repayment</th></tr><tr><td>1st – 12th month</td><td>RM583 (Interest only)</td></tr><tr><td>13th – 24th month</td><td>RM1,500 (Principal + Interest)</td></tr><tr><td>25th – 36th month</td><td>RM2,500 (Principal + Interest)</td></tr><tr><td>37th – 84th month</td><td>RM3,690 (Principal + Interest)</td></tr></table>*Illustration based on loan size of RM200,000<br><br>Repayment needs to be made to MyCreative Ventures Account where the details shall be provided in our monthly payment advise to the Borrower.</td></tr>
<tr><td>16</td><td>Adakah permohonan pinjaman saya memerlukan cagaran?</td><td>Ya, cagaran pinjaman adalah seperti berikut:<br><br><u>PPPK & PMUK</u><br>▪ Perjanjian Fasiliti<br>▪ Jaminan “Joint and Several”<br>▪ Debentur<br>▪ Insurans “Key-man”<br><br><u>PPKK</u><br>▪ Perjanjian Fasiliti<br>▪ Jaminan “Joint and Several”<br>▪ Assignment and Charge over Collection Account<br>▪ Assignment and Charge over Contract Proceeds or Specific Debenture<br><br>Pemohon masih boleh menghantar permohonan sekiranya tidak mampu memenuhi keperluan dan ia tertakluk kepada budi bicara MyCreative Ventures.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | *Are there any securities required for the loan?* | <u>*CBRL & CMCE*</u><br>▪ *Facility Agreement*<br>▪ *Joint and Several Guarantee*<br>▪ *Debenture*<br>▪ *Keyman Insurance (For Sole Proprietorship/Partnership)*<br><br><u>*CBFC*</u><br>▪ *Facility Agreement*<br>▪ *Joint and Several Guarantee*<br>▪ *Assignment and Charge over Collection Account*<br>▪ *Assignment and Charge over Contract Proceeds or Specific Debenture*<br><br>*Those who are unable to comply may still submit subject to Myreative's discretion.* |
| 17 | Adakah terdapat caj pemprosesan permohonan pembiayaan? | Tidak. Kami tidak mengenakan sebarang caj pemprosesan kepada pemohon. |
| | *Is there any processing fee?* | *No, there will be no processing fee charged to applicants.* |
| 18 | Adakah terdapat caj-caj lain yang perlu dibayar? | Ya, antara caj yang dikenakan adalah caj untuk duti setem, bayaran guaman dan dokumentasi. Caj-caj tersebut akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan. |
| | *Are there any other charges incurred?* | *Yes, there are charges for stamp duties and legal fees. These charges will be deducted from the drawdown proceeds.* |
| 19 | Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya sediakan dan serahkan untuk memohon pinjaman ini? | Senarai dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:<br><br><u>CBRL and CMCE</u><br>1. Borang Permohonan (Muat turun daripada laman sesawang MyCreative Ventures);<br>2. Salinan Kad Pengenalan pemegang saham dan pengarah syarikat*;<br>3. Salinan borang-borang Berkanun*;<br>4. Bukti perniagaan terjejas akibat pandemik Covid-19 seperti penyata bank, akaun pengurusan dsb;<br>5. Pelan perniagaan/rancangan pemulihan perniagaan;<br>6. Laporan CCRIS dan Borang Kebenaran CTOS;<br>7. Penyata kewangan beraudit dan akaun pengurusan terkini*;<br>8. Penyata bank syarikat untuk enam (6) bulan terakhir*.<br>9. Penyata BE untuk tiga (3) tahun terkini(untuk Milikan tunggal/ Perkongsian)<br>10. Bukti sokongan untuk Premis Perniagaan(untuk Milikan Tunggal/ Perkongsian) |

| | | |
|---|---|---|
| | | <u>CBFC</u><br>1. Borang Permohonan (Muat turun daripada laman sesawang MyCreative Ventures);<br>2. Salinan Kad Pengenalan pemegang saham dan pengarah syarikat*;<br>3. Salinan kontrak yang telah dimeterai*;<br>4. Salinan borang-borang Berkanun*;<br>5. Laporan CCRIS dan Borang Kebenaran CTOS;<br>6. Penyata kewangan beraudit dan akaun pengurusan terkini*;<br>7. Penyata bank syarikat untuk enam (6) bulan terakhir*.<br><br>*Sila serahkan salinan yang telah disahkan oleh Setiausaha Syarikat. |
| | *What documents should I compile and submit?* | *Listing of all the documents required as follows: -*<br><br>*<u>CBRL and CMCE</u>*<br>*1. Application Form (Download from MyCreative Ventures website)*<br>*2. NRIC of shareholders and directors of the company**<br>*3. Statutory Forms**<br>*4. Evidence of business effected by COVID-19 i.e. bank account statement, management account, etc*<br>*5. Business Recovery Plan*<br>*6. CCRIS result & CTOS consent*<br>*7. Audited/Management Accounts**<br>*8. Bank Statements**<br>*9. Latest 1 years BE Form (for Sole Prop/ Partnership)*<br>*10. Proof of Business Premise (for Sole Prop/ Partnership)*<br><br>*<u>CBFC</u>*<br>*1. Application Form (Download from MyCreative Ventures website)*<br>*2. NRIC of shareholders and directors of the company**<br>*3. Executed Contract**<br>*4. Statutory Forms**<br>*5. CCRIS result & CTOS consent*<br>*6. Audited/Management Accounts**<br>*7. Bank Statements**<br><br>**To submit original certified true copy by Company Secretary.* |
| 20 | Saya telah menyediakan semua dokumen yang diperlukan untuk permohonan, bagaimanakah cara untuk saya menyerahkan dokumen-dokumen tersebut? | Anda boleh membuat satu temujanji untuk menyerahkan borang permohonan dan dokumen yang telah lengkap ke pejabat MyCreative Ventures.<br><br>Bagi pemohon yang tinggal di luar Lembah Klang, anda boleh menghantar borang permohonan dan dokumen yang lengkap menerusi laman sesawang MyCreative Ventures pitchbox.mycreative.com.my. |

| | | |
|---|---|---|
| | *I have compiled all the documents required for application, how do I submit?* | *Kindly make an appointment to submit the completed application form and all the required documents physically to MyCreative Ventures office.*<br><br>*Applicants outside Klang Valley may email the completed application form and all the required documents to MyCreative Ventures website [pitchbox.mycreative.com.my](pitchbox.mycreative.com.my).* |
| 21 | Bagaimanakah cara untuk mengetahui status permohonan pembiayaan saya? | Permohonan pembiayaan yang berjaya akan dimaklumkan dan akan dihubungi untuk menerima Surat Tawaran.<br><br>Permohonanan yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui surat rasmia atau e-mel. |
| | *How would I know the status of my loan application?* | *Successful loan application will be notified and shall receive the Letter of Offer.*<br><br>*Unsuccessful loan application will be notified via official letter or email.* |
| 22 | Sekiranya permohonan berjaya, bagaimanakah saya akan menerima wang pembiayaan tersebut? | Setelah semua "conditions precedent" dan syarat pengeluaran wang telah dipatuhi, wang pembiayaan akan disalurkan terus ke akaun operasi syarikat.<br><br>Bagi CBRL, pengeluaran wang pinjaman boleh dilakukan secara berperingkat. |
| | *How would the fund be disbursed?* | *Upon completing the conditions precedent and drawdown condtions, the funds will be disbursed directly to the operating account of the Borrower.*<br><br>*For CBRL, the disbursement may take place in several tranches.* |
| 23 | Adakah terdapat sebarang larangan untuk penggunaan pinjaman? | Ya, pinjaman ini tidak boleh digunakan untuk tujuan berikut:<br><br>(i) Pembelian saham;<br>(ii) Pembiayaan semula kredit/fasiliti pembiayaan sedia ada;<br>(iii) Pembelian tanah/hartanah;<br>(iv) Pembangunan hartanah;<br>(v) Pelaburan oleh syarikat pegangan pelaburan;<br>(vi) Aktiviti pembiayaan;<br>(vii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk seumpamanya;<br>(viii) Sebarang tujuan lain yang berbeza dari tujuan yang telah dimaklumkan kepada MyCreative Ventures. |

| | | |
|---|---|---|
| | *Is there any prohibited loan purpose for the initiative?* | *The loan may not be used for the following purpose:*<br><br>*(i) Purchase of shares;*<br>*(ii) Refinancing of existing credit/financing facilities;*<br>*(iii) Purchase of land / properties;*<br>*(iv) Property development;*<br>*(v) Investment by investment holding companies;*<br>*(vi) Financing activities; and*<br>*(vii) Gambling, alcohol, tobacco or other similar activities/products.*<br>*(viii) Any other purpose than the purpose that has been declared to MyCreative Ventures.* |
| 24 | Bagaimanakah kalau saya gagal membuat bayaran balik pinjaman? | Denda lewat bayar sebanyak 1.5% setahun di atas kadar faedah sedia ada akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk respon terhadap notis peringatan. MyCreative berhak untuk memulakan proses recovery/mengambil tindakan undang-undang. |
| | *What if I fail to fulfil my repayment obligations?* | *Late payment charges will be imposed on any overdue payment at a rate of 1.5% per annum above the prescribed interest rate. Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. MyCreative Ventures may exercise its rights and start its recovery process/legal action.* |
| 25 | Bolehkah saya menyelesaikan pinjaman sepenuhnya sebelum tempoh matang pinjaman? | Penyelesaian awal adalah dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis empat belas (14) hari bekerja kepada MyCreative Ventures sebelum tarikh penyelesaian. Tiada caj penyelesaian awal akan dikenakan. |
| | *Can I make an early settlement on the loan?* | *Early settlement is allowable at any time subject to prior written notice of fourteen (14) working days given to MyCreative Ventures. No early settlement fee will be charged.* |
| 26 | Berapa lamakah masa diperlukan untuk memproses permohonan pinjaman? | Proses kelulusan pinjaman akan mengambil masa lima (5) hari bekerja dari tarikh penyerahan dokumen lengkap. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan diproses.<br><br>Wang pinjaman akan dikeluarkan dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh penerimaan Surat Tawaran, tertakluk kepada pematuhan conditions precedent. |
| | *How long would the application process take?* | *The approving process will take five (5) working days from the submission of completed documents. Incomplete documents would not be processed.*<br><br>*Upon acceptance of Letter of Offer, release of funds will take twenty-one (21) working days, subject to completion of conditions precedent.* |

| | | |
|---|---|---|
| 27 | Bilakah tarikh mula dan tutup permohonan inisiatif pinjaman ini? | Permohonan pinjaman ini dibuka dari 16 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2021, tertakluk kepada baki peruntukan. |
| | *When is this loan initiative available for application?* | *The application for the loan will be available from July 2020 until 31 December 2021 subject to availability of funds.* |
| 28 | Saya mengimport tudung dari luar Malaysia dan menjualnya secara online di Malaysia. Adakah saya layak untuk memohon? | Tidak, pinjaman di bawah cabang industri fesyen hanya layak untuk pereka fesyen yang mereka produk di bawah jenama sendiri. Peniaga yang tidak mereka produk kreatif sendiri adalah tidak layak memohon. |
| | *I import hijab from outside Malaysia and sell it online in Malaysia, am I eligible?* | *No, we only cater to fashion designers that design its own products under his/her own brand. Pure traders of creative products are not eligible.* |
| 29 | Saya mempunyai kedai kraf yang menjual produk kraf tempatan dan lukisan yang dihasilkan di dalam bengkel/studio saya sendiri. Adakah saya layak memohon? | Ya, perniagaan ini jatuh dalam salah satu cabang kreatif industri yang disokong dan layak untuk inisiatif pinjaman ini. |
| | *I have a craft shop selling local crafts and paintings produced in my own workshop/studio, am I eligible?* | *Yes, this falls within our creative industry pillars and will be eligible for our funding.* |
| 30 | Saya memiliki perniagaan menjual makanan tempatan, adakah saya layak di bawah cabang seni kulinari? | Hanya perniagaan yang menerapkan cara artistik dan kreatif dalam penyediaan dan persembahan makanan sahaja layak di bawah cabang seni kulinari. Ia harus mempunyai nilai estetika dan/atau nilai warisan kebudayaan/identiti. |
| | *I own a business selling local delicacies, am I eligible under the culinary arts pillar?* | *To be eligible, the business needs to promote artistic or creative way of preparing and presenting food. It has to exhibit aesthetic elements and/or heritage/identity values.* |
| 31 | Saya mereka, menghasilkan dan menjual perabot, adakah saya layak memohon? | Ya, perniagaan ini jatuh dalam salah satu cabang kreatif industri yang disokong dan layak untuk inisiatif pinjaman ini. |
| | *I design, produce and sell furniture, am I eligible?* | *Yes, this falls within our creative industry pillars and will be eligible for our funding.* |

| | | |
|---|---|---|
| 32 | Siapakah yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut? | Anda boleh mengirim e-mel kepada loanenquiry@mycreative.com.my<br><br>Anda juga boleh___membuat temujanji secara tele-conference/bersemuka dengan pegawai pelaburan kami. Sila atur waktu temujanji anda di sini (www.mycreative.com.my). |
| | *For further enquiry who can I contact?* | *You may drop an e-mail at loanenquiry@mycreative.com.my*<br><br>*You may schedule for a tele-conference/ face to face meeting with one of our investment officers. Please book your slot here (www.mycreative.com.my).* |

Nota: Informasi di atas telah dikemaskini pada 2 Februari 2021. Sebarang perubahan yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa akan dikemaskini.

*Note: The above information was updated on 2nd February 2021. Any further changes which might take place from time to time will be updated/reflected accordingly.*